

Peraturan

Bagi Majlis Penyelarasan Untuk

Perbadanan Perkhidmatan Haji Dalam

Negeri

Perkara Satu: Definisi

Perkataan dan ungkapan berikut - di mana sahaja ia dinyatakan dalam peraturan ini - setiap satu daripadanya membawa maksud pernyataan yang disebut selepasnya, melainkan jika konteksnya menghendaki sebaliknya:

Kementerian: Kementerian Haji dan Umrah.

Menteri: Menteri Haji dan Umrah.

Majlis: Majlis Penyelarasan Kemudahan Perkhidmatan Haji Dalam Negeri.

Pengerusi: Pengerusi Lembaga Pengarah Majlis Penyelarasan Kemudahan Perkhidmatan Jemaah Haji Dalam Negeri.

Perbadanan: Yayasan dan syarikat perkhidmatan haji domestik yang diberikan lesen daripada Kementerian.

Lembaga Pengarah: Lembaga Pengarah Majlis Penyelarasan Kemudahan Perkhidmatan Jemaah Haji Dalam Negeri.

Sekretariat : Urusetia Umum Majlis Penyelaras.

Setiausaha Agung: Setiausaha Agung Majlis Penyelarasan Kemudahan Perkhidmatan Jemaah Haji Dalam Negeri.

Jemaah domestik: warganegara dan mereka yang mendapat taraf penetapan biasa di negara ini.

Peraturan Dalaman: Peraturan pentadbiran dan kewangan Majlis.

Bab Satu:

Komposisi dan Tugas

Perkara Dua:

Ibu pejabat Majlis terletak di Mekah Al-Mukarramah, di mana mesyuarat-mesyuaratnya diadakan di situ. Bila diperlukan, mesyuarat boleh diadakan di tempat lain atau (secara jarak jauh) dengan mendapat kebenaran Pengerusi Majlis. Semua perutusan dan urusan surat-menyurat hendaklah dihantar ke alamat ibu pejabat.

Perkara Tiga:

Pertama: Majlis mempunyai keistimewaan sebagai perbadanan sah yang melayakkannya untuk berurusan menggunakan namanya dan untuk kepentingannya, sebagaimana ia memberi peluang untuk memperoleh hak dan memikul kewajipan.

Kedua: Pengerusi hendaklah mewakili Majlis dalam perkara berikut:

1. Ketika berhadapan pihak Kementerian berkaitan tugasnya dan segala yang berkaitan dengan tujuan ia ditubuhkan.

2. Ketika berhadapan pihak berkuasa, sektor swasta dan sektor bukan berasaskan berkeuntungan, dengan mengambil kira penyelarasan dengan Kementerian.
3. Di hadapan pihak berkuasa perundangan yang berlainan kategori, peringkat dan jawatankuasa khas, dan dia mempunyai hak untuk mewakili kepada orang lain.

Ketiga: Pengerusi mempunyai hak untuk mewakili tugasnya kepada sesiapa sahaja yang difikirkannya sesuai daripada kalangan ahli Lembaga Pengarah.

Perkara Empat: Objektif

Objektif majlis ini ialah:

- 1- Menyumbang kepada peningkatan pengalaman perkhidmatan kepada jemaah haji dan sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian.
- 2- Penyelarasan antara Perbadanan untuk meningkatkan tahap perkhidmatan jemaah haji.
- 3- Kerjasama dengan dengan sektor swasta dan sektor bukan berasaskan keuntungan untuk meningkatkan peluang pekerjaan bagi Perbadanan.
- 4- Melakukan inisiatif dan menjalankan kajian dalam bidang-bidang perkhidmatan kepada jemaah haji tempatan untuk menyelesaikan masalah, memperbaiki serta menambah baik perkhidmatan yang diberikan kepada jemaah haji, dan mengaktifkan peranan penyelarannya.
- 5- Menyebarkan budaya tadbir urus perniagaan dan tugas di kalangan Perbadanan dan berusaha ke arah kelestariannya.
- 6- Menyebar dan memperkasakan budaya sukarelawan dan program tanggungjawab sosial dalam Perbadanan.

Perkara Lima: Tugas

Majlis hendaklah mempunyai tugas-tugas berikut:

1. Melakukan penyelarasan yang diperlukan dengan Kementerian termasuk berkomunikasi dengan pihak berkuasa, sektor swasta, serta sektor bukan berasaskan keuntungan - yang berkaitan dengan perkhidmatan haji domestik- dan antara Perbadanan yang dapat menyumbang kepada peningkatan tahap perkhidmatan yang diberikan kepada jemaah haji dan memudahkan pelaksanaan ibadah mereka.
2. Mewakili Perbadanan ke Kementerian dalam perkara bidang tugas Majlis yang berkaitan dengan perkhidmatan haji.
3. Mewakili Perbadanan ke persidangan, seminar dan media massa selepas mendapat persetujuan Kementerian.
4. Merealisasikan kesepaduan dan integrasi dalam Perbadanan dan mengukuhkan daya saing.
5. Meminta bantuan daripada pihak berkuasa dan entiti berpengalaman untuk menjalankan penyelidikan dan kajian yang diperlukan untuk membangunkan budaya kerja profesional di Perbadanan, serta membangunkan perkhidmatan dan kaedah penyampaiannya, dan memberi cadangan dan nasihat untuk meningkatkan prestasi.

6. Mencadangkan dasar dan program yang dapat mencapai matlamat dan objektif Majlis.
7. Membangunkan sumber-sumber Majlis selepas menjalankan kajian kebolehlaksanaan yang diperlukan.
8. Mendokumenkan maklumat dan data yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti Majlis dan perkhidmatan haji, serta data yang berkaitan dengan Perbadanan.
9. Mengaturkan kursus-kursus latihan kepada kakitangan Perbadanan melalui penyelarasan dengan Kementerian.
10. Menyebarakan budaya dan kesedaran tentang semua perkara yang akan meningkatkan perkhidmatan haji.
11. Mewujudkan satu sistem automatik yang canggih untuk berkomunikasi dengan mekanisme Perbadanan bagi memastikan kepantasan penyampaian maklumat dan menghubungkannya dengan Pusat Informasi Haji dan Umrah di Kementerian.
12. Berusaha untuk menyelesaikan pertikaian yang mungkin timbul dalam Perbadanan atau antara rakan kongsi dalam syarikat yang sama. Ia juga berusaha untuk menyelesaikan tuntutan jemaah haji yang timbul akibat daripada kecuaian dalam perkhidmatan yang telah dipersetujui dengan Perbadanan mengikut mekanisme yang diluluskan oleh Kementerian dan tidak bercanggah dengan apa yang diamanahkan kepada pihak berkuasa.
13. Membincangkan pelan operasi dan belanjawan Majlis, yang telah ditugaskan kepada Setiausaha Agung untuk menyediakannya.
14. Melaksanakan program, projek dan inisiatif yang menyumbang kepada pembangunan dan peningkatan perniagaan dan perkhidmatan Perbadanan melalui penyelarasan dengan Kementerian.
15. Memberikan sokongan, bantuan dan nasihat kepada Perbadanan.
16. Mengadakan persidangan, seminar, program dan aktiviti yang berkaitan urusan haji setelah mendapat kelulusan Kementerian.
17. Menjalankan semua tugas tambahan yang diberikan kepadanya oleh Kementerian dalam tugas-tugas asas Majlis.
18. Mencadangkan penyelesaian kepada masalah dan halangan yang mungkin dihadapi oleh sektor perkhidmatan haji domestik.

Bab Dua:

Badan Pentadbiran Majlis

Perkara Enam:

Majlis Penyelaras hendaklah terdiri daripada badan-badan berikut:

1. Perhimpunan Agung.
2. Lembaga Pengarah.
3. Jawatankuasa tetap dan sementara.
4. Sekretariat Agung.

Perhimpunan Agung

Perkara Tujuh:

1. Perhimpunan Agung mestilah mewakili Pertubuhan, yang mana masing-masing mempunyai hak untuk memilih.
2. Dalam Perhimpunan Agung, setiap yayasan diwakili oleh pemiliknya, dan syarikat diwakili oleh Pengurus Besar, Ketua Pegawai Eksekutif atau sesiapa yang mempunyai kuasa untuk mewakili di bawah dokumen undang-undang yang diluluskan.

Perkara Lapan:

Perhimpunan Agung Majlis diadakan berkenaan perkara berikut:

1. Meluluskan pampasan kewangan bagi perkhidmatan yang disediakan oleh Majlis selepas membentangkannya kepada Kementerian.
2. Meluluskan belanjawan tahunan dan laporan tahunan Majlis.
3. Menentukan saraan Pengerusi, ahli-ahli Majlis dan Setiausaha Agung.
4. Sebarang keputusan untuk pemilihan akan dikeluarkan oleh Majlis dan dimasukkan ke dalam agenda.
5. Pengundian bagi keanggotaan dalam Lembaga Pengarah.
6. Tugas-tugas yang diberikan kepadanya oleh Kementerian.
7. Tugas-tugas yang dicadangkan oleh Majlis dan diluluskan oleh Menteri.

Perkara Sembilan:

Perhimpunan agung hendaklah diadakan menurut ketetapan berikut:

1. Perhimpunan agung hendaklah diadakan atas jemputan Pengerusi Majlis, atau atas permintaan (30%) ahli-ahli Perhimpunan Agung atau atas permintaan akauntan bertauliah bagi Majlis.
2. Jemputan untuk mengadakan perhimpunan agung hendaklah dihantar sekurang-kurangnya lima belas hari sebelum bersidang, dengan mengumumkannya dan menghantar jemputan kepada semua pemilik yayasan dan pengurus besar syarikat, dengan memberitahu tentang tempat, masa perhimpunan dan cara pelaksanaan. Ia hendaklah dihantar melalui e-mel ke alamat e-mel yang didaftarkan dalam rekod Majlis sebagai tambahan kepada surat berdaftar. Jemputan itu juga mestilah mengandungi tentatif dan salinannya dihantar kepada Kementerian (kertas atau secara elektronik) pada masa yang sama dengan penghantaran jemputan kepada mereka.
3. Kementerian mempunyai hak untuk menghantar satu atau lebih perwakilan bagi menghadiri perhimpunan agung Majlis sebagai pemerhati.

4. Setiap pemilik yayasan atau pengurus besar syarikat yang merupakan ahli Majlis Penyelarasan hendaklah mempunyai hak untuk menghadiri perhimpunan agung. Mereka boleh melantik bagi pihak mereka salah seorang pemilik yayasan atau salah seorang pengurus besar syarikat yang bukan anggota Majlis Penyelarasan di bawah peruntukan Legitimasi Agensi, justeru boleh mewakili dirinya dan mewakili individu yang diberi kuasa.
5. Setiap pemilik yayasan atau pengurus besar sesuatu syarikat boleh melantik sesiapa sahaja yang difikirkannya perlu di bawah satu kuasa sah peguam yang ditunjukkan oleh agensi untuk menghadiri mesyuarat perhimpunan agung. Wakil tersebut mempunyai hak untuk mewakili lebih daripada satu pertubuhan di bawah peruntukan Legitimasi Agensi. Presiden, Timbalan Presiden atau ahli Majlis tidak berhak menjadi wakil bagi pemilik yayasan atau pengurus syarikat.
6. Perhimpunan agung hendaklah membincangkan dan meluluskan penyata kewangan bagi tahun fiskal sebelumnya, serta menyuarakan pilihan mengenai sebarang topik yang dibangkitkan oleh Majlis yang memerlukan kelulusan perhimpunan agung.
7. Perhimpunan agung hendaklah bersidang sekurang-kurangnya sekali setahun dalam tempoh enam bulan selepas akhir tahun fiskal dan perlu mendapat kelulusan dari Kementerian. Perhimpunan agung boleh diadakan apabila dirasakan perlu.
8. Salinan laporan belanjawan tahunan Majlis dan laporan terperinci mengenai aktiviti Majlis dan kedudukan kewangan yang ditandatangani oleh Pengerusi hendaklah diletakkan di ibu pejabat Majlis. Ia berada dalam pengurusan pemilik yayasan dan pengurus besar syarikat untuk disemak hanya dalam tempoh dari tarikh pengumuman perhimpunan agung sehingga tarikh perhimpunan agung. Pengerusi hendaklah menghantar salinan dokumen-dokumen ini kepada Kementerian sekurang-kurangnya lima belas hari sebelum tarikh perhimpunan agung.
9. Pemilik yayasan dan pengurus besar syarikat yang ingin menghadiri perhimpunan agung, sama ada secara peribadi atau wakil, hendaklah mendaftarkan nama mereka dengan Majlis sebelum bersidang. Senarai nama hadirin dan wakil serta bilangan mereka adalah perlu dikemaskini ketika perhimpunan. Masing-masing mempunyai hak untuk melihat senarai tersebut. Bilangan hadirin perlu diumumkan setengah jam sebelum perhimpunan agung.
10. Kehadiran Pengerusi atau timbalannya adalah disyaratkan supaya mesyuarat diterima sebagai sah.

Perkara Sepuluh:

1. Mesyuarat Perhimpunan Agung Majlis dan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah boleh diadakan dan pengemukaan pilihan bagi keputusan boleh dilakukan dengan cara maya mengikut peraturan berikut:
 - a. Penyertaan harus dijalankan dengan berkesan melalui penyiaran video dan audio secara langsung, boleh mendengar dan menyatakan pendapat, membincangkan perkara mesyuarat, bertanya dan menjawab soalan, dan mengundi mengenai keputusan.
 - b. Pengerusi mesyuarat hendaklah menjelaskan peratusan e-penyertaan pada permulaan mesyuarat.
 - c. Menyediakan rekod yang merangkumi prosiding mesyuarat dan keputusan pengundian resolusi, menyimpan rakaman audio dan video prosiding mesyuarat.
 - d. Penyertaan secara maya memberi kesan seperti penyertaan fizikal.

- e. Majlis hendaklah menentukan prosedur maya untuk mendaftarkan kehadiran, mengundi resolusi, dan menyiarkan prosedur tersebut dilaman web Majlis.
2. Mesyuarat Perhimpunan boleh diadakan secara kehadiran fizikal, secara maya (jarak jauh), atau kedua-duanya.
3. Perhimpunan agung tidak sah melainkan dihadiri oleh beberapa pemilik yayasan dan pengurus besar syarikat secara peribadi atau wakil, yang mewakili 51% daripada mekanisme Perbadanan berlesen. Jika kuorum tidak mencukupi dalam mesyuarat pertama, jemputan perlu dihantar untuk mengadakan mesyuarat kedua dalam tempoh lima belas hari selepas mesyuarat sebelumnya sebagai maksimum atau dalam masa tujuh hari sebagai minimum. Mesyuarat kedua dianggap sah tanpa mengira bilangan hadirin dari pemilik yayasan dan pengurus besar syarikat. Resolusi perhimpunan dikeluarkan oleh majoriti bilangan peserta yang hadir sendiri atau wakilnya ketika perhimpunan.
4. Setiap pemilik yayasan atau pengurus besar syarikat mempunyai hak untuk membincangkan topik-topik yang terdapat dalam agenda Perhimpunan Agung dan untuk menanyakan soalan-soalan kepada ahli-ahli lembaga pengarah Majlis atau akauntan bertaualiah Majlis. Majlis atau akauntan bertaualiah hendaklah menjawab setakat yang tidak menjejaskan kepentingan Majlis. Jika salah seorang pemilik yayasan atau pengurus besar syarikat menganggap bahawa jawapan kepada soalnya tidak meyakinkan, dia hendaklah memajukannya kepada Kementerian dan keputusannya dalam hal ini akan berkuatkuasa.
5. Setiap pemilik yayasan atau pengurus besar syarikat hendaklah mematuhi keputusan yang dipersetujui ketika perhimpunan agung mengikut peraturan ini dan peraturan lain yang berkuatkuasa, sama ada beliau hadir atau tidak hadir, dan sama ada dia bersetuju atau tidak dengan keputusan tersebut.
6. Perhimpunan Agung hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi atau timbalannya sekiranya dia tidak hadir, yang diberi kuasa untuk membuka sesi mesyuarat dan membaca ringkasan laporan Majlis. Dia juga hendaklah menguruskan perjalanan perbincangan, sesi soal jawab dan membangunkan mekanisme pengundian secara tertutup dan awam. Dia mempunyai hak untuk mewakilkan sesiapa sahaja yang difikirkannya sesuai untuk mengaturnya. Pengerusi memilih pada permulaan sesi satu atau lebih individu daripada kalangan pemilik yayasan dan pengurus besar syarikat untuk mengambil alih tugas Setiausaha Agung Perhimpunan Agung sebagai tambahan kepada wakil Kementerian.

Perkara Sebelas:

1. Undian peserta dalam mesyuarat Perhimpunan Agung Majlis hendaklah dikira melalui teknologi moden dan undian secara automatik dalam kalangan kuorum kesahihan dan keputusan mesyuarat.
2. Pengundian hendaklah dilakukan pada akaun akhir atau apa-apa isu lain yang dimasukkan ke dalam undi oleh Majlis dan diumumkan dalam agenda selepas tamat perbahasan melalui undi sulit, di mana pemilik yayasan dan pengurus besar syarikat yang hadir pada mesyuarat itu membuang undi mereka untuk kelulusan, menolak atau berkecuali melalui borang pengundian (kertas atau elektronik) yang diedarkan oleh Majlis kepada mereka apabila mereka mendaftarkan nama mereka dan menandatangani untuk kehadiran. Undi tidak boleh dikira mengikut borang yang diedarkan kepada mereka.

3. Sekiranya pengundian elektronik tidak dipersetujui, Pengerusi Perhimpunan Agung hendaklah membentuk sebuah jawatankuasa semasa Perhimpunan Agung untuk mengumpul dan menyusun borang pengundian kertas yang diisi oleh pemilik yayasan dan pengurus besar syarikat atau wakil mereka yang hadir sebaik sahaja selesai proses pengundian, dan tidak ada orang lain selain daripada anggota Jawatankuasa yang boleh mengumpul borang tersebut.
4. Undian dikira dan direkodkan oleh jawatankuasa yang dibentuk semasa perhimpunan dengan penyertaan wakil kementerian, dan semua undi yang didapati melanggar peraturan dan arahan perlu dikecualikan. Selepas proses pengiraan selesai, hasilnya dikemukakan kepada pengerusi sesi, yang akan membaca hasil undian. Keputusan perhimpunan perlu dikeluarkan berdasarkan bilangan undian majoriti.
5. Ahli-ahli Lembaga Pengarah tidak boleh mengambil bahagian dalam mengundi resolusi Perhimpunan Agung yang berkait dengan pelepasan mereka dari tanggungjawab untuk pengurusan mereka.
6. Satu minit hendaklah disediakan pada mesyuarat Perhimpunan Agung, termasuk nama pemilik yayasan dan pengurus besar syarikat yang hadir sendiri atau melalui wakil, keputusan yang diambil, bilangan undi yang diluluskan atau tidak bersetuju dengannya, dan ringkasan perbincangan yang berlaku dalam mesyuarat, dan hendaklah direkodkan secara teratur selepas setiap mesyuarat dalam rekod khas yang ditandatangani oleh Pengerusi Perhimpunan.
7. Sebarang resolusi yang dikeluarkan oleh Perhimpunan Agung yang melanggar peruntukan Peraturan Perkhidmatan Haji Dalam Negeri, peraturan eksekutif dan peruntukan peraturan-peraturan ini adalah batal dan tidak sah, dan setiap ahli persatuan atau wakilnya mempunyai hak untuk membantah keputusan di mesyuarat tersebut.

Lembaga Pengarah

Perkara Dua Belas:

1. Lembaga Pengarah hendaklah terdiri tidak lebih daripada (9) ahli yang dipilih daripada pemilik yayasan dan pengurus besar syarikat, supaya dua pertiga daripada ahli Majlis dipilih oleh pemilik yayasan dan pengurus besar syarikat. Manakala Menteri melantik bagi mengisi satu pertiga dari kalangan pemilik yayasan dan pengurus besar syarikat.
2. Tempoh keanggotaan Majlis adalah empat tahun, dan dibolehkan untuk membuat pengundian semula, melantik individu yang telah tamat keahliannya untuk tempoh tertentu. Sebagaimana juga boleh memanjangkan tempoh keahlian Majlis berdasarkan keputusan Menteri mengikut apa yang beliau fikirkan sesuai.
3. Pemilik yayasan dan pengurus besar syarikat mempunyai hak untuk pencalonan keahlian Majlis mengikut syarat-syarat yang dinyatakan dalam Perkara Tiga Belas.

Perkara Tiga Belas :

Pencalonan untuk keahlian Majlis hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

1. Tiada keputusan penggantungan perkhidmatan dikeluarkan kepada yayasan atau syarikat sepanjang tempoh lima tahun terakhir penglibatan dalam Pertubuhan.

2. Peratusan penilaian Kementerian terhadap yayasan atau syarikat tidak boleh kurang daripada (85%) dalam tempoh lima tahun terakhir.
3. Tidak pernah dijatuhkan hukuman undang-undang dalam jenayah tidak bermoral atau tidak amanah dan belum dipulihkan.
4. Calon mesti sihat berdasarkan laporan perubatan yang diperakui.
5. Tempoh penglibatannya dalam perkhidmatan ini tidak kurang daripada lima tahun.
6. Kelayakan pendidikannya sekurang-kurangnya pada tahap pengajian tinggi atau yang setaraf dengannya.

Menteri mempunyai pengecualian daripada menepati satu atau lebih daripada syarat-syarat di atas sekiranya difikirkan sesuai.

Perkara Empat Belas:

Menteri hendaklah melantik Pengerusi daripada kalangan anggota dan Majlis hendaklah memilih daripada kalangan anggotanya seorang Timbalan Pengerusi untuk membantunya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Timbalan hendaklah memikul segala tugas dan tanggungjawab semasa ketiadaan Pengerusi.

Perkara Lima Belas:

Keanggotaan Majlis akan tamat dalam salah satu keadaan berikut:

1. Penamatan sesi pemilihan Majlis yang selaras dengan Perkara (Kedua Belas) dalam Peraturan.
2. Pembubaran Majlis mengikut peruntukan Perkara (Enam Belas) dalam Peraturan.
3. Kematian.
4. Kelemahan dan ketidakupayaan untuk menjalankan tugas-tugas yang diberikan kepadanya.
5. Ahli kehilangan jawatan dalam pengurusan perbadanannya.
6. Pengeluaran keputusan muktamad bagi membatalkan lesen perkhidmatan jemaah haji domestik yang diberikan kepada pertubuhan, sama ada beliau adalah pengurusnya atau pemiliknya.
7. Tidak menghadiri tiga mesyuarat berkala atau khas Majlis berturut-turut atau lima mesyuarat berasingan tanpa memberikan alasan yang munasabah kepada Pengerusi. Bagi kes tidak hadir lebih daripada lima kali, keahliannya hendaklah digugurkan oleh Kementerian dan penggantinya hendaklah dilantik.
8. Perbadanan yang diuruskan atau dimiliki oleh ahli didapati tidak memperbaharui lesen.
9. Peletakan jawatan ahli dan penerimaannya oleh Menteri.
10. Ahli dijatuhkan hukuman atas kes jenayah yang mencalar moral dan sifat amanah.

11. Keputusan oleh Menteri untuk menggugurkan keahlian.

Perkara Enam Belas:

Majlis hendaklah dibubarkan dalam kes berikut:

1. Lebih separuh daripada ahli Majlis telah tamat tempoh keahlian.
2. Jika Majlis tidak dapat menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan kepadanya.
3. Jika Menteri berpendapat bahawa kepentingan awam memerlukan.

Dalam kes-kes yang disebutkan di atas, Menteri boleh mengeluarkan keputusan untuk menugaskan seseorang untuk menjalankan kerja Majlis sehingga pemilihan semula anggotanya.

Perkara Tujuh Belas :

Pertama: Jika keanggotaan salah seorang ahli Majlis ditamatkan kerana kes-kes yang dinyatakan dalam Perkara (lima belas), Menteri hendaklah melantik seorang ahli gantian bagi anggota yang telah tamat keahliannya, dan keanggotaan pengganti yang dilantik dalam kes ini hendaklah bagi akhir tempoh terdahulu.

Kedua: Jika Lembaga Pengarah dibubarkan mengikut kes-kes yang dinyatakan dalam Perkara (Enam Belas), Menteri boleh mengeluarkan keputusan bagi menugaskan seseorang itu menjalankan kerja Majlis sehingga pemilihan semula anggotanya atau panggilan untuk pilihan raya.

Perkara Lapan Belas:

Majlis hendaklah mengadakan mesyuarat berkala sekurang-kurangnya sekali sebulan atas arahan daripada Pengerusi dengan menyediakan tentatif. Majlis boleh mengadakan mesyuarat khas atas permintaan mana-mana ahli dan mendapat sokongan sekurang-kurangnya separuh daripada ahli-ahli untuk mengadakan mesyuarat tersebut. Mesyuarat berkala atau khas Majlis hanya sah dengan kehadiran sekurang-kurangnya dua pertiga daripada ahli-ahli, termasuk Pengerusi atau timbalannya. Seorang ahli Majlis tidak boleh mewakili orang lain atau ahli Majlis untuk menghadiri mesyuarat Majlis. Mesyuarat juga boleh diadakan secara jarak jauh apabila diperlukan, sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi atau Naib Pengerusi Majlis.

Perkara Sembilan Belas:

Keputusan Majlis hendaklah dikeluarkan berdasarkan pilihan majoriti mereka yang hadir, dan sekiranya berlaku kesamarataan, Pengerusi atau Naib Pengerusi hendaklah mempunyai undi wajar. Keputusan Majlis hendaklah melalui undian awam. Keputusan Majlis adalah muktamad dan mengikat apa yang dikeluarkan di dalamnya dan hendaklah berkuat kuasa selepas (30) hari dari tarikh pemberitahuan kepada Kementerian tanpa apa-apa bantahan atau pemerhatian mengenainya.

Setiausaha Agung

Perkara Dua Puluh:

1. Majlis hendaklah mencalonkan seorang Setiausaha Agung daripada kalangan anggotanya, dan hendaklah diluluskan oleh Menteri atau wakilnya. Orang yang dicalonkan hendaklah menjalankan semua fungsi yang berkaitan dengan Majlis, dan tidak boleh dikecualikan melainkan dengan kelulusan Menteri.
2. Sekiranya tidak dapat mencalonkan seorang Setiausaha Agung dari kalangan ahli-ahli Majlis, Majlis hendaklah mempunyai hak untuk mencalonkan seorang Setiausaha Agung daripada kalangan bukan anggotanya mengikut tatacara yang dinyatakan dalam perkara (1), dengan syarat dia memenuhi syarat-syarat berikut:
 - a. Mestilah warganegara Arab Saudi.
 - b. Umur calon tidak boleh melebihi enam puluh lima tahun.
 - c. Kelayakan pendidikan sekurang-kurangnya pada peringkat pengajian tinggi atau setaraf dengannya.
 - d. Pengalaman sekurang-kurangnya lima tahun dalam menguruskan perkhidmatan haji
 - e. Beliau tidak dijatuhkan hukuman jenayah yang mencalarkan moral dan sifat amanah, dan belum dipulihkan.

Perkara Dua Puluh Satu :

Jika Menteri berpendapat bahawa calon Setiausaha Agung yang bukan dari ahli Majlis Pengarah tidak sesuai, beliau boleh melantik sesiapa sahaja yang difikirkannya sesuai. Tempoh melanjutkan perkhidmatannya dan perlucutannya hendaklah diputuskan oleh Menteri. Jika yang dilantik bercuti, Menteri memilih seorang individu dengan persetujuan Pengerusi Majlis untuk menjalankan tugas.

Perkara Dua Puluh Dua :

Setiausaha Agung Majlis hendaklah bertanggungjawab untuk menjalankan tindakan dan tugas berikut:

1. Menyediakan agenda Majlis Pengarah, dan bersiap siaga untuk mesyuarat dan merangka minitnya.
2. Menyediakan draf resolusi dan syor-syor yang dikeluarkan oleh Majlis serta menyediakan salinannya kepada ahli Majlis.
3. Penyelarasan antara pelbagai unit, jawatankuasa Majlis dan pengagihan kerja serta surat-menyurat mengikut autoriti Majlis.
4. Menyediakan semua perutusan Majlis dengan Perbadanan, Kementerian, badan-badan rasmi dan bukan rasmi.
5. Menerima semua surat-menyurat yang dialamatkan kepada Majlis.
6. Menguruskan penyertaan Majlis dalam acara, pameran, seminar, majlis-majlis rasmi dan lain-lain.
7. Menyediakan laporan tahunan kerja Majlis sebagai persediaan untuk kelulusannya oleh Majlis Pengarah.

8. Menyediakan pelan operasi Majlis.
9. Penyeliaan harian kerja pentadbiran dan kewangan Majlis serta prestasi pekerja.
10. Menyediakan laporan dan kajian yang diberikan kepada Setiausaha Agung oleh Lembaga Pengarah.
11. Menyediakan kontrak untuk pelantikan pekerja dan membuat susulan ke atas elaun dan bonus mereka.
12. Mewakili Majlis dalam perkara-perkara yang Lembaga Pengarah atau Pengerusi anggap wajar diwakilkan untuk menjalankan, dan Majlis mempunyai hak untuk mewakilkan mana-mana tugas lain berdasarkan hemah Majlis.
13. Menyusuli pelaksanaan keputusan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pengarah.
14. Menjalankan semua amanah yang diberikan kepada Setiausaha Agung oleh Lembaga Pengarah berdasarkan skop pengetahuannya.

Jawatankuasa-Jawatankuasa

Perkara Dua Puluh Tiga :

Majlis hendaklah membentuk jawatankuasa dan sub-unit khusus yang diamanahkan untuk menjalankan tugas-tugas, kerja teknikal, perundingan dan pelaksanaan tertentu seperti yang dikehendaki oleh Majlis dan untuk mencapai tujuan dan objektifnya. Majlis mempunyai kuasa ke atas semua unit dan jawatankuasanya yang dibentuk olehnya.

Bab Tiga:

Hal Ehwal Kewangan

Perkara Dua Puluh Empat :

Majlis hendaklah mempunyai pemilikan kewangan tersendiri dan berasingan daripada pemilikan kewangan Pertubuhan. Ini akan melibatkan pemerolehan hak dan pemikulan tanggungjawab kewangan bagi pihaknya yang berasingan dari pemilikan kewangan ahli Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah hendaklah mengeluarkan belanjawan dan laporan mengenai kedudukan kewangan setiap tahun.

Perkara Dua Puluh Lima :

Sumber-sumber Majlis mestilah terdiri daripada perkara-perkara berikut:

1. Pampasan kewangan bagi perkhidmatan yang disediakan oleh Majlis.
2. Bayaran untuk perkhidmatan yang disediakan secara langsung.

3. Hadiah, geran dan bantuan yang diterima oleh Majlis.
4. Pendapatan yang diperoleh hasil inisiatif dan pelaburan yang dijalankan oleh Majlis.
5. Mana-mana sumber lain dengan kelulusan Kementerian.

Dengan tanggungjawab untuk tidak mengenakan caj tambahan kepada jemaah haji, sehubungan adanya pampasan kewangan yang dibayar oleh Pertubuhan kepada Majlis Penyelaras, dan mereka mengesahkannya.

Perkara Dua Puluh Enam :

Tahun kewangan Majlis adalah berdasarkan tahun Masihi.

Perkara Dua Puluh Tujuh:

Bagi setiap tahun kewangan, Majlis hendaklah mengeluarkan belanjawan dan laporan terperinci mengenai aktiviti dan kedudukan kewangan Majlis. Pengerusi hendaklah menandatangani dokumen-dokumen yang disebutkan di atas.

Perkara Dua Puluh Lapan:

Sekiranya pengumuman belanjawan tahunan Majlis ditangguhkan, anggaran belanjawan terdahulu hendaklah digunakan sehingga Perhimpunan Agung meluluskan belanjawan baru dalam tempoh (sembilan puluh) hari dari awal tahun fiskal. Dalam hal ini - sebagai pengecualian - Menteri mesti meluluskannya, dan sekiranya tempoh tertentu yang disebut telah berlalu tanpa membentangkan belanjawan kepada Perhimpunan Agung atau tidak meluluskannya, Kementerian boleh mengambil tindakan yang difikirkannya sesuai.

Perkara Dua Puluh Sembilan:

Majlis mempunyai hak untuk membelanjakan daripada pendapatannya untuk semua perkara yang membolehkannya melaksanakan tugasnya mengikut prinsip perakaunan dan arahan kewangan yang mengawal selia perkara ini.

Perkara Tiga Puluh:

Majlis hendaklah mematuhi peraturan kewangan, arahan dan model perakaunan yang diterima umum dan menyimpan buku-bukunya mengikut prinsip perniagaan. Sebagaimana Majlis hendaklah menandatangani dananya atas namanya dengan satu atau lebih bank tempatan yang dipilih oleh Majlis.

Perkara Tiga Puluh Satu:

Majlis hendaklah mempunyai satu laporan audit atau lebih yang dicalonkan oleh Majlis sendiri dan hendaklah disokong perlintikannya oleh Menteri dari kalangan akauntan bertauliah yang memperoleh lesen di Arab Saudi. Pengauditan tersebut hendaklah menyemak perbelanjaan Majlis, mengaudit kunci kira-kira,

akaun untung rugi, inventori dan akaun akhir, dan mengemukakan laporan tahunan dengan akaun akhir dan melaporkannya kepada Kementerian.

Perkara Tiga Puluh Dua:

Majlis hendaklah mematuhi kawalan kewangan berikut :

1. Tiada amaun boleh dikeluarkan daripada dana Majlis atau akaun bank yang diperuntukkan kepada Majlis atau apa-apa pindahan bank boleh dibuat kecuali melalui baucar bayaran yang ditandatangani oleh Pengerusi atau wakilnya bersama penyelia Bahagian Kewangan atau wakilnya. Pengeluaran ataupun kebenaran untuk mengeluarkan tidak boleh berlaku kecuali dengan dua tandatangan. Tandatangan orang yang diberikan kuasa di bank di mana akaun Majlis dibuka serta mengikut keputusan yang dikeluarkan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Majlis.
2. Sebarang keputusan atau tindakan yang bercanggah dengan peruntukan perenggan (1) Perkara ini adalah batal dan tidak sah. Mana-mana orang yang mengeluarkannya atau mengambil bahagian dalam pengeluarannya hendaklah bertanggungjawab atas pengeluaran dana yang dikeluarkan tanpa kebenaran Majlis Pengarah, atau dikeluarkan untuk tujuan selain daripada yang diperuntukkan, dan dia hendaklah mengembalikannya dalam masa (tiga puluh) hari dari tarikh tuntutan.
3. Bahagian Kewangan hendaklah menyediakan audit belanjawan bulanan yang diluluskan oleh Setiausaha Agung Majlis dan dibentangkan kepada Majlis pada mesyuarat berkala untuk mendapat kelulusan.
4. Pengeluaran dana Majlis hendaklah dibuat mengikut prosedur di atas melalui cek bank atau pindahan bank dari akaun Majlis, termasuk pembayaran gaji pekerja Majlis, saraan ahli Majlis dan jawatankuasa khasnya.
5. Majlis, dengan kelulusan Majlis, boleh memperuntukkan pendahuluan tunai tetap dari dana tersebut sehingga jumlah maksimum (30,000) tiga puluh ribu riyal kepada Setiausaha Agung untuk memenuhi perbelanjaan kecil dan kecemasan. Majlis memberi kuasa kepada Setiausaha Agung Majlis untuk meluluskan pengeluaran itu, dan pembayaran itu hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Agung Majlis dan penyelia Bahagian Kewangan atau wakilnya, dengan syarat ia diselesaikan pada akhir tahun kewangan Majlis.
6. Semua bentuk keperluan Majlis dijamin berdasarkan keperluan sebenar, dengan kualiti dan harga yang sesuai, dan mengikut invoice atau minit yang diluluskan dalam had kuasa yang diwakilkan.

Perkara Tiga Puluh Tiga:

Semua bayaran kewangan hendaklah dikeluarkan mengikut prosedur pengeluaran yang dinyatakan dalam Peraturan Dalaman Majlis.

Bab Empat

Kawalan Prestasi dan Tanggungjawab

Perkara Tiga Puluh Empat:

1. Wakil Kementerian bagi Bahagian Urusan Haji perlu menyediakan piawaian untuk penilaian prestasi Majlis dan disokong oleh Menteri.
2. Majlis perlu melakukan penilaian sendiri tahunan terhadap prestasinya mengikut piawaian penilaian yang diluluskan.
3. Sekiranya hasil penilaian Majlis jatuh di bawah had yang ditetapkan oleh Bahagian Kementerian, Menteri boleh memberikan Lembaga Pengarah Majlis tempoh tidak melebihi satu tahun untuk menangani keadaan dan memperbaiki penilaian Majlis. Sekiranya penarafan masih berada di bawah had minimum selepas tamat tempoh tarikh akhir, Menteri boleh membentuk semula Lembaga Pengarah Majlis dan memberikannya tempoh tidak melebihi satu tahun untuk menangani keadaan dan meningkatkan prestasi Majlis.

Perkara Tiga Puluh Lima:

Ahli-ahli Majlis hendaklah bertanggungjawab secara bersama ke atas apa-apa pelanggaran peruntukan Peraturan ini, dan tanggungjawab itu hendaklah jatuh ke atas semua ahli Lembaga Pengarah Majlis jika kesilapan itu timbul daripada keputusan yang dikeluarkan secara sebulat suara oleh mereka. Manakala keputusan yang dikeluarkan oleh majoriti tidak boleh dipersoalkan oleh pihak lawan apabila mereka dengan jelas membuktikan bantahan mereka dalam minit mesyuarat. Kegagalan menghadiri mesyuarat ketika keputusan itu dikeluarkan tidak boleh dianggap sebagai alasan untuk pengecualian daripada tanggungjawab melainkan jika terbukti bahawa ahli yang tidak hadir tidak mengetahui keputusan itu. Menteri boleh menggantung pelaksanaan apa-apa keputusan yang dikeluarkan oleh Majlis Jika ia melanggar peraturan dan arahan atau melampaui objektif yang ditetapkan bagi Majlis.

Peruntukan Akhir

Perkara Tiga Puluh Enam :

Majlis hendaklah mengeluarkan peraturan dalaman yang menentukan kaedah dan prosedur kerjanya.

Perkara Tiga Puluh Tujuh :

Majlis hendaklah dikawal selia dengan kawalan dan penyeliaan Menteri atau timbalannya.

Perkara Tiga Puluh Lapan :

Menteri mempunyai hak untuk mentafsirkan peruntukan Peraturan ini, dan tafsirannya hendaklah mengikat sekiranya berlaku pertikaian mengenai salah satu perkara dalam Peraturan ini.

Perkara Tiga Puluh Sembilan:

Kementerian boleh meminda Peraturan ini dengan penyelarasan dengan Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Perdagangan atas cadangan daripada Majlis atau jika perlu.

Perkara Empat Puluh:

Peraturan ini menggantikan Peraturan Majlis Penyelarasan Pertubuhan dan Syarikat Perkhidmatan Haji Dalam Negeri yang dikeluarkan oleh Resolusi Menteri No. (68168) bertarikh 25/5/1434H, dan ia memansuhkan semua keputusan menteri terdahulu yang bercanggah dengannya.

Artikel Empat Puluh Satu:

Peraturan ini hendaklah diluluskan oleh Menteri dan hendaklah berkuat kuasa dari tarikh kelulusannya.

Semoga Allah menjayakan.